

TAJUK

Tahap Pelajaran Dan Kemajuan Kanak-kanak

Berkait Dengan Sosio-Ekonomi Di Kampung

Sungai Rusa Daerah Balik Pulau.

OLEH

ANG MENG LEE

No. Metrik 044142

Latihan Ilmiah Bagi Memenuhi Sebahagian

Daripada Syarat-syarat Untuk Ijazah

Sarjana Muda Sastera.

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Universiti Malaya

Kuala Lumpur.

Penghargaan

Saya ingin mengucapkan ribuan terimakasih kepada beberapa pihak yang terlibat dalam menjayakan latihan ilmiah ini. Pertama-tamanya, saya sampaikan kepada Penyelia saya, Cik Zaliha Hassan yang telah memberikan segala pertolongan, bimbingan, nasihat-nasihat tunjuk ajar kepada saya disepanjang kajian ini dijalankan.

Saya juga ingin ucapan terima kasih kepada mereka berikut yang telah memberi kerjasama penuh kepada saya untuk mendapatkan maklumat-maklumat serta bahan-bahan bagi kajian ini:-

- i. Pegawai Daerah Balik Pulau yang membenarkan saya menjalankan kajian di kampung Sungai Rusa serta memberikan saya lapuran-lapuran yang berkenaan dengan keadaan sosio dan ekonomi kampung itu.
- ii. Guru Besar Sekolah Rebdah Kebangsaan Sungai Rusa yang menerangkan kepada saya tentang keadaan sekolah itu dan keputusan murid-murid disana.
- iii. Pegawai Balai Polis Daerah Balik Pulau yang menunjukkan saya lapuran-lapuran tentang kes jenayah yang berlaku.

Akhir sekali saya ucapan terima kasih kepada semua penduduk-penduduk di kawasan kajian kweana sudi bekerjasama di dalam menjayakan kajian ini.

Sinopsis

Kajian ini merupakan satu kajian kes terhadap 50 sampel penghuni kampung Sungai Rusa di Daerah Balik Pulau yang mengenai tahap pelajaran penghuni-penghuni terutamanya pelajaran anak-anak. Penulis mengaitkan tahap pelajaran anak-anak di kampung itu dengan sosio-ekonomi ibu bapa. Kajian ini telah di lakukan di dalam masyarakat Melayu. Tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. memberi satu gambaran tentang tahap pelajaran seluruh kampung termasuk pihak ibu bapa dan anak-anak tetapi khususnya ingin mengetahui tahap pelajaran anak.
- ii. faktor-faktor yang menyebabkan tahap pelajaran anak-anak itu rendah. Terutamanya tinjau dari segi faktor sosio-budaya dan faktor sosio-ekonomi yang sangat mempengaruhi tahap pelajaran anak-anak.
- iii. meninjau keseluruan sistem pelajaran kampung itu.
- iv. meninjau nilai ibu bapa terhadap pelajaran anak dan juga sikap anak sendiri terhadap pelajaran.

Dalam bab pertama, penulis memberikan serba sedikit huraian mengenai tujuan kajian, bidang kajian serta kaedah kajian.

Bab 2 menerangkan mengenai latarbelakang kampung itu, iaitu menyentuh tentang kawasan fizikal, lokasi, keluasan dan latar belakang sosio-ekonomi kampung itu.

Bab 3 pula menguraikan konsep-konsep, teori-teori dan definasi-definasi yang digunakan dan dijadikan panduan untuk kajian ini. Selain itu pengkaji juga menunjukkan cara ukuran kemiskinan dan teori-teori pendidikan yang dikemukakan oleh John Dewey dan James Mill.

Bab 4 ialah mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian dan kemajuan pelajaran. Faktor-faktor yang diuraikan ialah faktor sosio-budaya dan faktor sosio-ekonomi. Faktor sosio-budaya itu ditinjau dari sudut pandangan ibu bapa serta anak-anak.

Bab 5 ialah kesimpulan. Pengkaji membuat kesimpulan tentang sistem pelajaran di kampung itu dan memberikan faktor-faktor yang telah mempengaruhi tahap pelajaran di situ. Selain daripada itu cadangan-cadangan juga telah dikemukakan untuk mengatasi masalah ini.

Bab 1		Sejarah Pendidikan Tadika
1.1	Definisi dan Latar Belakang	11
1.2	Interpretasi Sosio-ekonomi	11
1.3	Anggaran Biaya	11
1.4	Anggaran Bantuan	11

	<u>Pendekatan</u>	
	<u>Iai Kandungan</u>	
	Kerja Sambutan	
Penghargaan	Sistem Politik	i
Sinopsis	Sistem Pelajaran	ii
Isi Kandungan		iii
Senarai Jadual	Kebersihan Dan Isi Pendidikan	iv
Peta		v
3.1	Pengenalan Kemiskinan	25
3.2	Definisi dan Konsep Kemiskinan	25
Bab I	Pendahuluan	
1.1	Definisi Kemiskinan dari segi sosio-budaya	1
1.2	Tujuan Kajian	1
1.3	Bidang Kajian	2
1.4	Kaedah Kajian	4
i	Pemilihan Tempat Kajian	
ii	Pemilihan Responden	30
iii	Pengumpulan Data	31
1.4	Kesulitan Kajian	32
i	Kesulitan Tempat Kajian	33
ii	Kesulitan Masa	33
iii	Kesulitan Soal-selidik	33
iv	Kesulitan Responden	33
Bab II	Sejarah Latarbelakang Kampung	
2.1	Keluasan dan Lokasi Kampung	11
2.2	Latarbelakang Sosio-ekonomi	12
i	Aspek Ekonomi	37
ii	Aspek Sosial	37
2.2.1	Pekerjaan Responden	37

iii.	Pendapatan	
iv.	Kerja Sambilan	
2.3	Sistem Politik	20
2.4	Sistem Pelajaran	21

Bab III Konsep Kemiskinan Dan Teori Pendidikan

3.1	Pengenalan Kemiskinan	25
3.2	Definasi dan Konsep Kemiskinan	25
i.	Definasi kemiskinan dari segi Ekonomi	
ii.	Definasi Kemiskinan dari segi sosio-budaya	
3.3	Ciri-ciri Kemiskinan	30
3.4	Ukuran Kemiskinan	31
3.5	Kemiskinan di Malaysia	32
3.6	Teori Pendidikan	33
i.	Teori Pendidikan John Dewey	
ii.	Teori Pendidikan James Mill	
3.7	Definasi Desa	35

Bab IV Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pendidikan dan Kemajuan Pelajaran


4.1	Tahap Pelajaran Penghuni-penghuni kampung	37
4.2	Faktor Ekonomi	
4.2.1	Pekerjaan Responden	41

4.2.2	Pendpatan Responden	42
4.2.3	Perbelanjaan Keluarga Responden	43
4.2.4	Pemilikan Harta	48
4.3	Faktor-faktor Sosio-budaya	
4.3.1	Tahap Pelajaran Ibu Bapa	49
4.3.2	Sikap Ibu bapa terhadap pelajaran	
	Anak	51
4.3.3	Kemudahan-kemudahan Asas	54
4.3.4	Sikap guru-guru terhadap Murid-	
	Murid	56
4.3.5	Pengaruh Sikap dari Ahli Keluarga	
	yang lain	57
4.4	Faktor Kanak-kanak itu sendiri	
4.4.1	Minat dan Cita-cita Kanak-kanak	
	terhadap Pelajaran	58
4.4.2	Kerja Rumah yang dilakukan oleh 40	
	anak-anak Sekolah	60
4.4.3	Kesan Psikologi atas Kanak-kanak	61
Bab V	Kesimpulan	68
Jadual 4.5	Pemilikan Harta bagi 50 responden	
Gambar-gambar Keadaan Kampung	Ibu Bapa	70
Jadual 4.6	Pelajaran yang di harap oleh responden	
Bibliografi	atas pelajaran anak-anak	71
Lampiran	Karakter yang ada di kalangan ibu	72
	bapa kampung itu berdasarkan	
	persepsi	


<u>Senarai Jadual</u>		<u>Muka Surat</u>
Jadual 2.1	Bidang kerja yang diceburi oleh 50 responden.	14
Jadual 2.2	Pecahan mengikut jenis-jenis kerja yang dilakukan oleh 50 responden.	14
Jadual 2.3	Pendapatan bulanan 50 responden.	19
Jadual 2.4	Minat responden ke atas politik.	20
Jadual 2.5	Kelulusan individu antara tahun 1980-1984 (darjah).	24
Jadual 4.1	Tahap pelajaran yang di capai oleh anak ₂ yang berhenti sekolah.	38
Jadual 4.2	Tahap pelajaran anak ₂ yang masih bersekolah.	40
Jadual 4.3	Bilangan anak yang dikaji dari 50 responden.	44
Jadual 4.4	Perbelanjaan sekolah bagi setiap bulan.	45
Jadual 4.5	Perbelanjaan keseluruhan keluarga.	47
Jadual 4.6	Pemilikan harta bagi 50 responden.	48
Jadual 4.7	Tahap pelajaran ibu bapa.	50
Jadual 4.8	Pelajaran yang di harap oleh responden atas pelajaran anak-anak,	52
Jadual 4.9	Harapan ₂ yang ada di kalangan ibu bapa kampung itu terhadap anak-anak mereka.	53

Jadual 4.10	Rancangan TV yang ditonton oleh 40 orang anak sekolah.	56
Jadual 4.11	Pekerjaan anak-anak responden.	58
Jadual 4.12	Minat anak-anak atas pelajaran.	59
Jadual 4.13	Kerja rumah yang dilakukan oleh 40 anak sekolah.	60


KEDUDUKAN DAERAH BALIK PULAU DI PELAN PINANG



KEDUDUKAN MUKIM B DAN MUKIM 3 DI KAMPUNG SUNGAI RUSA




KAMPUNG SUNGAI RUSA .



Tempat Permainan Karak

DARI PEKAN BALIK PULAU KE KAMPUNG SUNGAI RUSA.



bidang seperti perkhidmatan dan pertanian yang mempunyai gaji yang rendah. Pengkaji ingin mengetahui bagaimana sistem pelajaran mempengaruhi kehidupan mereka dan mengapa tidak ada sebarang kemajuan kampung dicapai. Maka yang penting sekali ialah mengkaji sistem pelajaran.

1.2 Bidang Kajian

Pengkaji hendak melihat bagaimana di dunia yang moden ini masih ada kampung-kampung yang mundur dan miskin. Pengkaji ingin melihat keadaan pelajaran di kampung ini baik pada peringkat ibu bapa itu sendiri mahupun pada peringkat anak-anak. Pengkaji ingin menjawab soalan-soalan seperti mengapakah tahap pelajaran anak-anak itu rendah? 'Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kemajuan anak-anak itu rendah?' 'Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dalam pelajaran?' 'Bagaimana sistem pelajaran dan keadaan pelajaran di sana?' 'Adakah mempunyai kemudahan-kemudahan pelajaran di kampung ini?' Soalan-soalan itu menunjukkan bahawa pengkaji mengetahui sebab-sebab yang menyebabkan tahap pelajaran mereka rendah. Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian mereka itu seperti faktor ekonomi, faktor sosial, faktor politik, faktor keluarga atau faktor lain yang negatif yang akan dikaji.

Mula-mulanya pengkaji meninjau dari segi keluarga.

Pengkaji ingin mengetahui tentang kedudukan ekonomi ketua

lain yang mesti dikaji ialah sekolah. Dari kajian sekolah bolehlah di ketahui tentang sistem dan pelajaran di kampung itu, juga keputusan peperiksaan kanak-kanak kampung. Kesmua bidang ini akan di gabungkan dan di analisa kemudiannya untuk mengetahui tentang tahap pelajaran kanak di kampung ini nanti.

1.3 Kaedah Kajian

I. Pemilihan Tempat Kajian

Kampung yang pengkaji jalankan penyelidikan itu adalah kira-kira enam batu jauhnya dari Pekan Balik Pulau yang dipanggil Kampung Sungai Rusa. Ia adalah satu kampung yang boleh dikatakan besar iaitu di duduki oleh seramai 319 buah keluarga.

Pemilihan kampung ini terlalu di tentukan oleh Jabatan Antropologi dan Sosiologi dan Institut Pengajian Tinggi. Tujuan Institut Pengajian Tinggi menjalankan kajian ini ialah untuk mengkaji masalah kemiskinan di Semenanjung Malaysia, dan dari Pilot Survey yang di lakukan. Kampung ini di dapati sesuai untuk kajian mereka.

ii. Pemilihan Responden

Pemilihan responden di buat dengan cara menemuduga 50 responden dan pemilihan responden adalah menggunakan kaedah persampelan secara sistematik. Kaedah persampelan sistematik yang di gunakan di sini ialah pengkaji mula-mulanya memilih

seramai 150 responden daripada 2 mukim iaitu mukim B dan mukim 3. Persampelan sistematik itu di definaskan oleh Ahmad Mahzar Ayob (1983) dalam buku 'Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi' sebagai "sesuatu sampel yang diperolehi dengan memilih satu unsur secara rawak daripada unsur iaitu unsur pertama dalam rangka persampelan, dan selepas itu memilih tiap-tiap unsur yang ke 'K', dinamakan sampel sistematik." (m/s 101) Disini pengkaji memperolehi respondennya secara sistematik iaitu

$$\frac{150 \text{ responden}}{50}$$

$$=3$$

"K" unsur yang ditunjukkan dalam definasi persemplean sistematiskan oleh Ayob ialah seperti 3 diatas. ($k=3$) Cara persampelan itu ialah mula mengkaji rumah ke 3, kemudian keluarga ke 6, ke 9 dan seterusnya dengan bermula dari unsur 3 itu.

Responden yang dipilih itu tidak kira jantina iaitu lelaki atau perempuan dan juga tidak kira unsur samada tua atau muda. Ia hanya ditemuduga sekiranya ia adalah ketua keluarga.

iii. Pengumpulan Data

Penyelidikan ini adalah dijalankan oleh mahasiswa-mahasiswa dari Jabatan Antropologi dan sosiologi yang utamanya ialah membantu Institut Pengajian Tinggi untuk mengkaji masalah-masalah kemiskinan di Semenanjung Malaysia. Jadi segala-gala

soal-selidik adalah disedia oleh Institut Pengajian Tinggi.

Oleh kerana soalan-soalan telah disediakan dan beberapa soalan telah disediakan jawapan, maka pengkaji mungkin menghadapi masalah kekurangan apabila tulisan ilmiah dibuat.

Soal-selidik IPT itu lebih menitik-beratkan tentang perkara-perkara harta dan perbelanjaan modal. Jadi maklumat-maklumat tambahan terpaksa ditanya oleh pengkaji.

Untuk mendapatkan data, pengkaji menggunakan kaedah-kaedah berikut:

(a) Soal selidik

(b) temubual - i. "formal"

ii. "informal"

(a) Soal selidik yang di gunakan itu mempunyai 2 bahagian:

i. Secara "fact sheet data" - bahagian ini memberi keterangan yang paling asas dan paling jelas senang diperolehi untuk mendapatkan bulangan orang-orang yang dikaji.

Fact sheet ialah bahagian-bahagian yang mengandungi umur, pekerjaan dulu, tempat asal, pelajaran ibu bapa, bilangan anak dan jantina.

ii. "Substantive" - bahagian yang lebih penting kerana ia mengandungi bahagian iaitu tentang kajian ekonomi, pekerjaan, agama, politik dan perubahan sosial.

(a) temubual

(b) Temubual

Pengkaji juga telah menjalankan temubual secara formal

(c) Temubual

dan informal. Temubual secara formal berti pengkaji menyoal dalam perkataan yang sama dan order yang sama kepada semua responden dengan mengikut semua soalan dan jawapan yang telah ditetapkan. Disini soal-selidik yang digunakan ialah jenis "close-ended" ei mana soalan disediakan terlebih dahulu dalam bentuk interview schedule dan pengkaji menyoal satu demi satu mengikut senarai soalan itu. Untuk mendapatkan maklumat tambahan pengkaji telah menggunakan temubual informal seperti soalan tentang rancangan keluarga, menemuduga guru-guru sekolah tentang keadaan pelajaran anak-anak disana, dan sikap ibu bapa dan anak tentang pelajaran. Temubual informal ini bermaksud soalan-soalan tidak disediakan dalam bentuk yang sama dan responden di benarkan menjawap mengikut pandangan mereka sendiri. Soalan-soalan dalam temubual jenis ini berbentuk open-ended iaitu responden boleh menjawab soalan-soalan dengan menggunakan perkataan-perkataan, fikiran dan rancangannya sendiri tanpa mengikut pilihan tetap dalam senarai.

1.4 Kesulitan Kajian

Berbagai-bagai kesulitan dihadapi semasa kajian dijalankan. Kesulitan-kesulitan yang di hadapi itu boleh dibahagikan kepada beberapa perkara tertentu iaitu berkaitan dengan:

- (a) tempat kajian
- (b) masa
- (c) soal-selidik
- (d) responden

(a) Kesulitan Tempat Kajian

Kampung Sungai Rusa sangat luas iaitu kira-kira 12 batu persegi. Keluasan yang besar itu menyusahkan penyelidikan dijalankan kerana pengkaji terpaksa berjalan jauh mengelilingi kampung itu. Rumah-rumah disana juga tidak teratur dan banyak yang tidak bermotor, oleh itu menyusahkan kerja listing kerana rumah yang tilah dicatit itu sekali lagi. Listing ialah kerja yang dijalankan sebelum membuat sampling iaitu pengkaji mencatitkan 150 keluarga dulu kemudian memilih 50 responden dengan cara sistematik sampling dari 150 keluarga yang telah dicatitkan.

Kampung itu juga jauh dari pekan maka pengkaji terpaksa menaiki bas apabila hendak berjumpa dengan Pegawai Daerah di Pejabat Daerah yang terletak di Pekan Balik Pulau. Beberapa kali pengkaji menyiasat jalan didalam kampung itu kerana rumah-rumah yang terletak diperdalam. Kampung itu adalah berselerak. Pentada-petanda susah dijumpai dikawasan dalam itu, oleh itu pengkaji selalu menghadapi masalah mencari jalan keluar.

b. Kesulitan masa

Kesulitan utama pengkaji ialah untuk bertemu dengan responden iaitu masalah memilih masa yang sesuai untuk bertemu dengan mereka. Biasanya pada waktu pagi ketua keluarga bekerja dan hanya dapat menemuduga mereka pada waktu makan tengah hari

atau pun pada hari Ahad saja mereka ada di rumah. Kadang-kadang hari Ahad responden sekeluarga juga keluarga juga keluar makan angin. Oleh itu mestilah menetapkan satu masa yang sesuai untuk mereka supaya temuduga dapat dijalakan.

(c) Kesulitan Soal-selidik

Soal-selidik yang digunakan itu terlalu panjang dan mengambil masa sekurang-kurangnya 45 minit hingga 60 minit untuk diisi. Dalam ini telah menimbulkan rasa jemu pada pihak responden. Tambahan pula soalan-soalan dalam soal-selidik itu banyaknya berkenaan dengan soal harta, oleh itu responden adalah berhati-hati apabila hendak menjawap soalan-soalan itu.

(d) Kesulitan Responden

Salah satu kesulitan menghadapi responden ialah menemuduga responden wanita. Pengkaji telah menemui beberapa kes seperti apabila menemuduga separuh saja soalan-soalan soal-selidik, responden suri rumah tangga itu akan meminta berhenti dan menyuruh pengkaji datang hari yang lain sebab anaknya menangis atau hendak memasak.

Terdapat beberapa perkara yang sukar mendapat jawapan yang baik dan tepat dari responden. Antaranya ialah mengenai tangga pendapatan responden di mana mereka agak keberatan memberi gaji yang sebenar. Terutamanya pihak petani mereka

tidak berapa tahu tentang hasil pendapatan mereka sebulan sebab mereka hanya belanja apabila hasil dikutip.

Hampir seluruh daripada responden itu tidak berpelajaran tinggi oleh itu semasa menemuduga mereka, banyak soalan yang dikemukakan itu tidak dapat difahami oleh mereka. Ini membuangkan masa pengkaji sebab pengkaji harus menerangkan soalan itu sampai mereka faham. Pengkaji terpaksa memberi contoh-contoh atau mengubahsuai bentuk soalan supaya mereka dapat memberi gambaran tentang soalan yang dikemukakan. Kakangan kadang nama anak, nombor kad pengenalan dan tarikh lahir anak juga dilupai dan pengkaji terpaksa menunggu mereka cari dari bilik. Disamping itu soalan mengenai perancang keluarga didapati sukar untuk mendapat jawapan kerana mereka seolah-olah enggan memberi jawapan kerana malu untuk membicarakan soal tersebut. Ini disebabkan soal-soal yang berkaitan dengan sex tidak dibincangkan secara terbuka di dalam masyarakat Melayu. Terdapat juga di kalangan responden yang salah faham tentang tujuan kajian di jalankan. Oleh itu pengkaji terpaksa memberi penjelasan tentang maksud kajian dan untuk siapa kajian di jalankan supaya mereka memberi kerjasama yang sewajarnya. Mereka mempunyai anggapan bahawa kajian ini adalah untuk agensi-agensi kerajaan yang ingin mengetahui soal-soal rumah tangga mereka. Demikianlah beberapa kesulitan yang dihadapi semasa kajian di jalankan.

Bab II

Sejarah Latarbelakang Kampung

2.1 Keluasan dan Lokasi Kampung

Kampung Sungai Rusa terletak di Daerah Balik Pulau di Negeri Pulau Pinang. Daerah ini terletak di bahagian Barat-daya dan sangat jauh dari pusat bandar Pulau Pinang. (kira-kira 24 km) Balik Pulau ialah satu daerah yang menyambungkan daerah ini ke Georgetown. Dua jalanraya itu ialah saty jalan melalui Bayan Lepas dan Teluk Kumber dan yang satu lagi melalui Air Itam dan Paya Terubong. Oleh kerana daerah itu terletak di kawasan tinggi yang jauh dari Pusat Bandar maka adalah susah untuk memajukannya. Oleh yang demikian Kampung Sungai Rusa di daerah itu masih tidak berkembang maju dari masa dulu hingga masa sekarang.

Kampung Sungai Rusa mempunyai keluasan kira-kira 12 batu persegi dan terdiri daripada 2 mukim (sila rujuk kepada peta yang disediakan di muka surat v). Ia terletak di antara kampung Air Putih dan Sungai Pinang. Lokasinya kira-kira 6 batu dari Pekan Balik Pulau.

Kampung ini terdiri dari 2 mukim iaitu mukim 3 di sebelah diri dan mukim 3 di sebelah kanan. Ke dua mukim ini dipisahkan oleh Jalan Sungai Rusa dan disempadani oleh sebidang sawah padi iaitu yang terletak di sempadan Kampung Sungai Rusa dan Kampung Sungai Pinang. Sebatang sungai iaitu Sungai Rusa melintangi

ke 2 mukim itu. Di bahagian dalaman mukim 3 ialah bukit-bukit yang tinggi yang di diam oleh beberapa keluarga sahaja. Selain itu lorong kemberar boleh di jumpai disana. Sebuah masjid dan sebuah sekolah Rendah Melayu, sebuah tempat permainan kanak-kanak dan beberapa kedai kopi dan runcit merupakan petanda yang jelas dari pandangan kampung itu.

Kampung ini mempunyai 1254 orang penghuni yang terdiri daripada 319 keluarga. Sebanyak 293 keluarga adalah keluarga Melayu manakala keluarga China hanya seramai 24 keluarga. Maka majority ialah keluarga Melayu.

Kampung itu di tubuhkan lebih kurang 70 tahun yang lalu. Ia di penuhi dengan rumah-rumah yang beranjung (bertiang) yang di buat daripada kayu. Rumah-rumah di sana adalah dari warisan nenek moyang mereka atau pun di bina sendiri. Kebanyakan daripada rumah-rumah itu sangat buruk dan hanya beberapa buah sahaja yang kelihatan baru. Corak-corak rumah mereka adalah seragam dan memberi satu pandangan bahawa rumah-rumah itu ialah corak rumah orang Melayu. (sila rujuk kepada gambar yang dilampirkan di muka surat 70)

2.2 Latar belakang sosio-ekonomi

i. Aspek Ekonomi

Kampung Sungai Rusa ialah sebuah kampung campuran yang

mana penghuni-penghuninya terlibat dalam berbagai jenis kegiatan. Kegiatan pertanian bukan merupakan pekerjaan yang penting kerana wawah padi mereka itu hanya 2 atau 3 ekar persegi sahaja. Sawah padi yang kecil itu mebyebabkan keluarga yang bersawah itu tidak simata-mata bergantung kepada pertanian. Sebaliknya kerja makan gaji adalah pekerjaan yang lebih utama bagi penghuni-penghuni kampung itu. Ada yang menceburi sektor kerajaan dan ada yang terlibat dalam sektor swasta.

Pekerjaan -pekerjaan bagi penghuni di sana boleh dibahagikan kepada 2 bidang iaitu bidang pertanian dan bidang bukan berbentuk pertanian. Bidang pertanian hanya terdiri daripada mereka yang bertani dan menternak sedikit ayam dan itek sahaja. Manakala bidang bukan berbentuk pertanian pula merangkumi mereka-mereka yang menceburi bidang-bidang seperti guru, juruteknik, pegawai, penjual kecil-kecilan iaitu menjual barang harian, operator kilang, pemandu, tukang masak, pengawal keselamatan, pekerja rumah api, polis dan askar. Tetapi pekerjaan yang biasa sekali dipegang oleh mereka di bidang ini ialah operator kilang. Penghuni-penghuni kampung ini ramai juga yang bekerja sebagai buruh iaitu buruh kasar di Jabatan Parit dan Taliair, buruh kasar Jabatan kerja Raya dan buruh kasar Lembaga Letrik Negara

Penghuni-penghuni yang menceburi bidang pertanian itu

tidak ramai bilangannya iaitu hanya 4.5% sahaja. Manakala bagi mereka yang menceburi bidang bukan berbentuk pertanian ialah 95.5%. (Jajual 2.1) Berikut ini terdiri daripada responden wanita dan lelaki yang sebagai dari rumah tangga dan yang berseua. Responden-

Jadual 2.1

Bidang kerja yang diceburi oleh responden-responden-50

Bidang Kerja	Bilangan	%
Bidang Pertanian	3	6
Bidang Bukan Berbentuk Pertanian	47	94

Jadual 2.2

Pecahan mengikut jenis-jenis kerja yang dilakukan oleh 50 responden

Bidang Kerja	Bilangan	%
Petani	3	6
Bidang Bukan Berbentuk Pertanian:		
Guru	1	2
Askar dan Polis	4	8
Pengawal Keselamatan	2	4
Operator, tukang masak, tukang kebun	4	8
Kontraktor	2	4
Pemandu	3	6
Penjual Kecil	1	2
Buruh Kasar	9	18
Tidak berkerja	21	42
Jumlah	50	100

Jadual 2.3 menunjukkan pekerjaan responden. Ia menunjukkan bahawa seramai 21 orang (42%) daripada responden itu tidak bekerja. Mereka itu terdiri daripada responden wanita dan lelaki yang sebagai suri rumah tangga dan yang bersara. Responden-responden kampung ini ramai sekali mencebur i pada bidang bukan berbentuk pertanian iaitu kerja sebagai guru, askar atau polis, pengawal keselamatan, operator kilang, tukang kebun, kontraktor, pemandu, penjual kecil dan buruh kasar. Tetapi di antara pekerjaan ini, buruh kasar menjadi satu jenis pekerjaan yang banyak sekali dipegang oleh responden iaitu seramai 9 orang (18%). Manakala yang bekerja sebagai guru hanya satu orang (2%) dan begitu juga dengan penjual kecil (2%). Selain itu bekerja sebagai askar ialah 4 orang (8%), pengawal keselamatan 2 orang (4%), operator, tukang masak dan tukang kebun ialah 4 orang (8%), kontraktor 2 orang (4%), dan pemandu 3 orang (6%).

Berbanding dengan budang pertanian, responden-responden durang sekali mencebur i pada bidang ini iaitu hanya 3 orang sahaja (6%) sebagai petani. Maka ini menunjukkan bahawa 94% daripada responden-responden itu adalah bekerja sebagai makan gaji dalam bidang bukan berbentuk pertanian. Responden-responden itu sebahagian besar mencebur i pada yang tidak memerlukan kemahiran tinggi (kecuali guru iaitu 2% sahaja) dengan pendapatan bulanan yang rendah itu telah menyebabkan kemiskinan. Seperti

yang di tunjukkan dalam Rancangan Malaysia Ke 4 bahawa sebahagian besar dari golongan miskin di sektor bukan pertanian adalah terdiri dan pekerja-pekerja tidak mahir dalam sektor perhutanan, pembinaan, perdagangan dan perkhidmatan. Kemiskinan yang di sebabkan oleh pekerjaan responden yang tidak baik dengan gaji bulanan yang rendah itu telah mempengaruhi pelajaran anak-anak mereka yang tidak berpeluang belajar tinggi.

ii. Aspek Sosial

Walau pun Sungai Rusa ialah sebuah kampung tetapi infrastruktur-infrastruktur yang ada si sana boleh juga di katakan lengkap. Yang penting sekali ialah bekalan elektrik dan bekalan air paip di terima dan digunakan oleh setiap keluarga. Di tepi jalanraya juga ada bekalan air paip awam yang dipasang oleh kerajaan. Pengangkutan tidak menjadi satu masalah kerana ada bas-bas yang masuk ke kampung itu. Penghuni-penghuni tidak membuang masa untuk menunggu bas kerana setiap 15 minit ada bas yang masuk kekampung itu. Jalanraya juga baik kerana jalanraya utama itu ialah jalan tar yang besar. Sistem perhubungan seperti sistem pos boleh juga di dapati disini. Ada postman yang menghantar surat dan penghuni-penghuni boleh menggunakan perkhidmatan pos di pejabat pos dikampung Titi Teras yang berdekatan. Ada juga sebanyak 19 keluarga mempunyai pasangan talipon di rumah.

Sebuah masjid terletak ditengah kampung itu iaitu berhadapan dengan sebuah sekolah dan sekolah ugama. Masjid merupakan tempat yang penting bagi penghuni-penghuni kampung kerana membolehkan mereka berseambahyang. Penghuni-penghuni kampung itu tidak mempunyai hiburan yang beranika jenis seperti orang-orang bandar. Sumber hiburan utama mereka ialah televisyen. 98% dari keluarga kampung itu mempunyai televisyen sendiri. Terdapat sebuah padang permainan untuk kegunaan penduduk-penduduk disitu.

Persatuan di tubuhkan untuk penghuni-penghuni kampung menjalankan berbagai-bagai aktiviti. Pertubuhan-pertubuhan yang ada dikampung itu ialah pertubuhan belia dan pertubuhan wanita. Pertubuhan belia mempunyai ahli-ahli seramai 98 orang yang terdiri daripada 63 orang lelaki dan 35 orang prepuan. Pertubuhan wanita pula mempunyai jumlah ahli seramai 44 orang. Tujuan di adakan pertubuhan ini ialah untuk menyatupadukan semua pemuda-pemudi dan suri rumah tangga serta untuk bertukar pendapat dan fikiran antara satu sama lain. Lain-lain persatuan yang tidak begitu aktif ialah persatuan ibu bapa dan guru, persatuan pertanian, persatuan perniagaan dan persatuan tukang masak. Kesemua pertubuhan itu adalah satu lambang tolong-menolong di kalangan orang-orang kampung.

iii. Pendapatan

Jadual 2.3 menunjukkan bahawa 36% daripada mereka mempunyai pendapatan antara \$0 - \$150 sebulan iaitu terdiri daripada mereka yang tidak bekerja yang telah bersara dan sebagai suri rumah tangga. Mereka hanya bergantung kepada pemberian dari anak-anak. Manakala sebanyak 26% daripada mereka mempunyai pendapatan antara \$151 - \$300. Selain daripada itu pendapatan antara \$301-\$450 itu juga sebanyak 26%. Ketiga-tiga kategori pendapatan ini menunjukkan bahawa pendapatan ini ialah dari \$0-\$450 dan jumlah peratusan bagi ketiga-tiga kategori pendapatan ini ialah 88%.

Mereka yang mempunyai pendapatan antara \$151-\$300 dan \$301-\$450 itu adalah mereka yang bekerja sebagai operator, kerani, tukang masak, tukang kebun dan buruh kasar.

6% daripada responden-responden itu mempunyai pendapatan \$451-\$600 sebulan, 2% yang berpendapatan antara \$751-\$900 sebulan. Yang berpendapatan antara \$451-\$600 dan \$601-\$750 itu ialah bekerja sebagai askar. Manakala yang berpendapatan antara \$751-\$900 itu ialah bekerja sebagai seorang juruteknik. Hanya seorang sahaja (2%) yang mempunyai pendapatan melebihi \$1500 sebulan dan ia ialah seorang guru.

Kesimpilannya menunjukkan bahawa mereka yang mempunyai pekerjaan yang baik seperti guru dan juruteknik itu mempunyai

gaji yang lumayan manakala pekerjaan lain yang mengguna tenaga berat mempunyai gagi yang rendah.

Jadual 2.3

Pendapatan Bulanan 50 Responden

Pendapatan Sebulan	Bilangan	%
0 - 150	18	36
151 - 300	13	26
301 - 450	13	26
451 - 600	3	6
601 - 750	1	2
751 - 900	1	2
901 - 1050	0	0
1051 - 1200	0	0
1201 - 1350	0	0
1351 - 1500	0	0
1500 atas	1	2
Jumlah	50	100

iv. Kerja Sambilan

Minat Responden ke atas Politik

Penghuni-penghuni di kampung itu juga membuat kerja sambilan seperti membela ayam dan itek untuk makan sendiri sahaja dan mendengar sumpah pilihan dan tidak mendatangkan apa-apa sumber pendapatan. Mereka juga tidak mempergunakan sumber kerajaan dan mendengar sumpah pilihan.

menanam pokok kelapa dan menanam sedikit buah-buahan. Buah-buahan yang di kutip itu kadang-kadang di bawa oleh anak-anak ke pekan untuk di jual. Kerajaan telah memberi bantuan kepada beberapa keluarga di sana iaitu memberi mereka 50 ekor ayam dan itek untuk di bela. Ayam itu makan sendiri oleh penghuni-penghuni dan kadang-kadang telur untuk di jual. Bagi petani pula kerajaan memberi mereka seekor lembu dan benih-benih untuk di tanam. Bantuan kerajaan adalah bertujuan hendak membaiki sistem ekonomi dikampung itu.

2.3 Sistem politik

Penghuni-penghuni di kampung itu tidak giat dalam politik. Ini di tunjukkan dalam Jadual 2.3 iaitu hanya 38% daripada responden itu yang berminat dalam politik dan yang tidak berminat itu ialah 62%. Keadaan ini menunjukkan bahawa sistem politik di kampung itu tidak begitu aktif.

Jadual 2.4

Minat Responden ke atas Politik

Minat Responden ke atas Politik	Bilangan	%
Mempengaruhi ahli ₂ keluarga dan mendengar kampanye pilihan	19	38
Tidak mempengaruhi ahli ₂ keluarga dan mendengar kampanye pilihan.	31	62

Parti politik yang di tubuhkan di kampung itu ialah Parti UMNO, Parti Gerakan dan Parti PSRM. Lapuran yang di berikan oleh Pegawai Daerah di sana menunjukkan bahawa Parti UMNO mempunyai 269 ahli biasa (termasuk ahli keluarga) yang terdiri daripada 149 ahli biasa lelaki dan 118 ahli perempuan. Parti Gerakan pula mempunyai 20 ahli biasa.

Sebenarnya mereka tidak mempunyai apa-apa pendapat tentang sistem politik yang ada di kampung mereka sendiri. Apabila di tanya tentang apa parti yang di suka, mereka akan memberi jawapan yang sama iaitu kata mereka " tentulah parti UMNO, kami tidak tahu tentang lain-lain parti yang ada." Keadaan ini mungkin di sebabkan mereka langsung tidak membaca surat khabar atau pun mereka langsung tidak berminat kepada politik dan tidak hiraukan apa-apa yang berlaku di dalam negara. Apabila di tanya lagi, " adakah encik mengundi di Parlimen dan mengapa mengundi?" Mereka dengan segeranya menjawap "tidak tahu apa-apa sebab, kami hanya ikut sahaja apabila undi dijalankan." Sebenarnya mereka tidak mempunyai apa-apa pendapat tentang politik dan juga tidak mempunyai apa-apa harapan dari sistem yang ada dalam negara.

2.4 Sistem pelajaran

Tujuan utama kajian ialah hendak mengetahui tentang kaitan sistem pelajaran dengan sosio-ekonomi. Maka adalah

penting untuk mengetahui dahulu sejarah sistem pelajaran di kampung ini. Kampung ini mempunyai dua buah sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Rusa dan Sekolah Ugama. Sekolah Menengah tidak ada di kampung ini tetapi ada di Pekan Daerah Balik Pulau iaitu Sekolah Menengah Seri Balik Pulau, Sekolah St. George Balik Pulau dan Sekolah Menengah Convent Balik Pulau. Sebuah sekolah tadika telah di dirikan beberapa tahun kebelakangan ini.

Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Rusa dan Sekolah Ugama itu hanya sebuah sekolah yang kecil. Sekolah Rendah Kebangsaan itu mempunyai 234 orang murid-murid. Murid lelaki adalah seramai 119 orang manakala murid perempuan ialah 115 orang. Tadika mempunyai 32 kanak-kanak, terdiri daripada 19 kanak-kanak lelaki dan 13 kanak-kanak perempuan. Manakala Sekolah Ugama mempunyai 145 penuntut iaitu 86 murid lelaki dan 62 murid perempuan.

Pada masa dahulu sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Rusa ialah sebuah Sekolah Atap Melayu. Tetapi kini Kerajaan telah membangunkannya semula pada tahun 1955 dan sekolah sekarang lebih lengkap daripada sekolah dahulu. Semasa sekolah itu masih sekolah atap, kemudahan-kemudahan seperti perpustakaan, TV dan kelengkapan sukan tidak ada. Walau pun masa sekarang perpustakaan

telah di dirikan oleh kerajaan tetapi buku-buku yang baik tidak berapa banyak jika di bandingkan dengan buku-buku di perpustakaan sekolah di bandar.

Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Rusa mempunyai 6 darjah sahaja iaitu dari darjah 1 hingga ke darjah 6 dan setiap darjah mempunyai 40 orang murid. Guru-guru yang mengajar di sana hanya 10 orang. Kini kerajaan hendak mengubah sistem pelajaran di sekolah ini dengan mengadakan KBSR - iaitu karikalum Baru Sekolah Rendah bagi tahap 1, 2, dan 3. Ada dua sebab KBSR di adakan. Pertamanya ialah memberi murid-murid lebih banyak gerak kerja. KBSR terdiri daripada 3 aspek iaitu:

- i. Aspek Pemulihan
- ii. Aspek Pengayaan
- iii. Aspek Gerak Kerja

Cara KBSR ini baik sebab ia boleh mengubah gaya pemikiran murid-murid supaya tidak lagi takut kepada guru. Walau pun KBSR telah di jalankan di sekolah ini tetapi keputusan individu masih tidak memuaskan. Keputusan ini di tunjukkan dalam jadual 2.5.

Jadual 2.5

Kelulusan Individu antara tahun 1980-1984 (darjah 5)

Tahun	Jumlah Calun	Lulus	%
80	46	21	45.8
81	43	16	37.2
82	59	22	39.2
83	52	16	31
84	37	23	62.2

Daripada latarbelakang kampung itu dita dapat melihat bahawa kampung itu masih tidak banyak berkembang. Penghuni-penghuni masih hidup dalam keadaan yang miskin dengan kehidupan yang sangat simpel sahaja. Kawasan kampung yang terletak jauh dari pusat bandar serta kawasan fizikalnya yang berbukit tinggi, telah menghalang pembangunan kampung itu. Di sana kurang kawasan pertanian dan penghuni-penghuni hanya bergantung kepada kerja makan gaji yang mempunyai gaji yang rendah. Kemudahan-kemudahan tidak begitu lengkap seperti tidak ada sekolah menengah dan menyusahkan murid-murid yang terpaksa pergi ke sekolah yang jauh di pusat bandar atau ke Pekan Balik Pulau. Sosio-ekonomi mereka masih tidak berubah sejak dahulu dan ini menyebabkan mereka masih dalam keadaan miskin.

Bab III

Konsep-konsep Kemiskinan dan Teori Pendidikan

3.1 Pengenalan Kemiskinan

Kemiskinan bukan sahaja ujud di negara-negara yang sedang membangun tetapi juga di negara-negara yang sudah maju seperti Amerika. Oleh itu masalah kemiskinan perlu dititik beratkan oleh semua masyarakat dunia. Mountfield mengatakan bahawa 66% dari penduduk dunia ini berada dalam keadaan meskin. Maka ini bermakna kemiskinan adalah satu fenomena universal.

Di kebanyakkan negara-negara dunia ke 3 hariini dianggarkan bahawa sebanyak 800 juta manusia hidup dalam keadaan miskin. Kajian yang dilakukan di beberapa buah negara yang berpendapatan rendah menunjukkan bahawa kira-kira 40% dari kanak-kanak pra-sekolah menghadapi masalah kurang makan. Oleh itu masalah kemiskinan masih merupakan satu masalah yang perlu di ambil berat oleh semua masyarakat dunia untuk mengatasinya.

3.2 Definasi dan Konsep Kemiskinan

Bila istilah "Poverty" digunakan, kita biasanya memirikan satu set keadaan ekonomi, sosial dan psikologikal yang besar dan komplek. Maka dengan itu definisi bagi kemiskinan boleh ditinjau dari 2 segi iaitu dari segi ekonomi dan dari

segi sosio-budaya.

i. Definasi Kemiskinan dari segi Ekonomi

"Poverty is frequently characterized as an inadequate command over resources relative to needs."

(David, 1959; Morgan, 1969; Rosenthal, 1968;
Tahbarah, 1972; Watts, 1968.)

Definasi ini menunjukkan bahawa kemiskinan di sebabkan oleh penggunaan yang tidak mencukupi berbanding dengan kehendak-kehendak kita.

Kini kebanyakkan penulisan mengenai kemiskinan mendefinasikan kegunaan melebihi daripada sumber yang khususnya merujuk kepada pendapatan seseorang sahaja. Disini kehendak-kehendak di definisikan sebagai sumber minima yang di perlukan bagi makanan, pakaian dan tempat perlindungan. Secararingkasnya definasi kemiskinan dari segi ekonomi ini di definisikan sebagai sumber pendapatan yang tidak mencukupi berhubung dengan kehendak yang minima iaitu kehendak atas makanan, pakaian dan tempat perlindungan.

ii. Definasi Kemiskinan dari segi sosio-budaya

Ahli-ahli ekonomi membahaskan bahawa pendapatan adalah satu 'proxy' yang adil bagi kemiskinan. Ahli-ahli teori

'Culture-of-Poverty' menegaskan bahawa sifat ekonomi tidak selalunya berhubung baik dengan sifat 'socio-cultural Poverty'. Seperti yang di bahas oleh Harrington iaitu:

"Poverty should be defined in terms of those who are denied the minimal levels of health, housing, food, and education that our present stage of scientific knowledge specifies as necessary for life as it is now lived in the United States "

(The Definition and Measurement of Poverty - An Urban System Research Report by Sharon M. Oster, et. als., 1978; 18)

Harrington mengata bahawa kemiskinan ujud apabila kesihatan, perumahan, makanan dan pelajaran itu berada pada peringkat minimal.

"Poverty should be defined psychologically in terms of those whose place in the society is such that they are internal exiles who, almost inevitably, develop attitudes of defeat and pessimism and who are therefore excluded from taking advantage of new opportunities."

(The Definition and Measurement of Poverty. An Urban System Research by Sharon M. Oster. et. als.m 1978; 18)

Harrington juga kata kemiskinan mesti di definisikan secara psikologi di mana mereka yang miskin itu bersifat cemas dan tidak bersempatan mengambil bahagian-bahagian dalam peluang-peluang baru yang di sediakan.

Oscar Lewis adalah orang yang pertama dan paling terkenal kalam teori Culture-of-poverty. Beliau membahaskan bahawa:

"Poverty was in fact a culture.....

cultural traits, while they may have been initially produced by economic deprivation, acquire a life of their own and are stable and persistent, passed along from generation to generation along family lines."

(The Defination and Measurement of Poverty, 1978: 18)

Oscar Lewis mehgata bahawa kemiskinan dari segi budaya itu adalah stabil dan tepat dan berterusan dari satu generasi ke satu generasi.

Definasi Oscar Lewis ini menegaskan kekurangan peluang bagi pergerakan sosial, tidak mencukupi kuasa politik dan penghormatan diri yang rendah. Semua ini adalah sifat utama kemiskinan yang di berikan depada definasi kemiskinan.

Tiga konsep kemiskinan yang boleh di identifikasi adalah konsep-konsep 'subsistence', 'inequality', atau 'externality'. Subsistence ini berkenaan dengan keperluan pembekalan yang minima untuk menampung kesihatan dan kesanggupan bekerja. Inequality pula berkenaan dengan kedudukan negatif dari kumpulan pendapatan bagi setiap satu yang lain. Manakala Externality ialah berkenaan dengan akibat sosial dari kemiskinan adalah jauh daripada berkenaan dengan keperluan-keperluan mereka yang miskin.

Rowntree telah membahagikan kemiskinan kepada 2 jenis; 'primary poverty', iaitu kekurangan dari segi tingkah laku moral dan dicekapan berfikir sementara 'secondary poverty' adalah individu yang mempunyai pendapatan di peringkat sara diri tetapi tidak dapat membelanjakan pendapatan untuk meneruskan kehidupan dan mendapatkan kehidupan yang baik.

Profesor Kamal Saleh telah memberikan beberapa tarifan tentang kemiskinan iaitu:

- (a) sebagai golongan yang tidak mempunyai keupayaan pendapatan.
- (b) sebagai golongan yang tidak menikmati keperluan-keperluan asas yang mencukupi mengikut ukuran-ukuran sara hidup sesuatu masyarakat.
- (c) sebagai golongan yang tidak mempunyai "access" kepada

sumber-sumber kuasa sosial. (kuasa suara, kuasa politik, milikan punca-punca keluaran, pendidikan dan sebagainya.)

3.3 Ciri-ciri Kemiskinan

Profesor Kamal Saleh memberi 3 ciri yang membezakan golongan miskin daripada yang tidak meskin.

- (a) Golongan miskin mudah di timpa malapetaka hidup yang tidak stabil dan tidak tentu arah.
- (b) Golongan miskin tidak mempunyai pilihan-pilihan hidup yang luas di bandingkan dengan yang lebih berada seperti pilih kerja, pelajaran anak-anak, keseronokan hidup, makan minum dan sebagainya.
- (c) Golongan miskin tertekan oleh kedudukan mereka yang melemahkan semangat jaya diri oleh sebab tidak berkuasa, cagar kuasa itu ialah seperti pemilikan tanah atau harta lain termasuk pelajaran yang boleh memberikan kuasa kepada pemilik untuk mendapatkan lain-lain faedah dalam masyarakat dan ekonomi.)

Mengikut Profesor Ungku Aziz dalam bukunya 'Jejak di Pantai Zaman', beliau mengambil konsep Zaba tentang konsep kemiskinan Melayu iaitu konsepnya membezakan di antara kemiskinan ekonomi kebendaan dengan kekiskinan bukan-kebendaan seperti kemiskinan moral atau rohani. Beliau kata orang-orang Melayu itu miskin pada wang ringgit dan harta

benda, miskin pada hemat dan cita-cita, miskin pada pekerjaan dan latihan pengetahuan, miskin pada alat-alat kelengkapan, otak dan beberapa sifat keparangan yang tinggi dan mulia.

('Jejak di Pantai Zaman', Profesor Ungku Aziz.)

3.4 Ukuran Kemiskinan

Ada 2 pengdekanan dalam menggunakan pendapatan sebagai mengukur kemiskinan:

- i. Cara Mutlak (absolute)
- ii. Cara Relatif

i. Cara mutlak : Satu standard minima dalam taraf hidup seseorang atau sesuatu keluarga di tetapkan mengikut keperluan-keperluan makanan, pakaian dan sebagainya dan pendapatannya perlu untuk menampung keperluan-keperluan ini. Ini di sebutkan sebagai garis kemiskinan.

Peratusan keluarga atau orang yang di bawah garis pendapatan ini merupakan saiz kumpulan kemiskinan.

Garis kemiskinan ini boleh membezakan antara keadaan dalam bandar dan luar bandar.

ii. Cara relatif : membandingkan kemiskinan dengan keadaan kedudukan taraf hidup masyarakat itu keseluruhannya, iaitu yang secara terus mengaitkan kemiskinan dengan agihan pendapatan dalam masyarakat tersebut. Beberapa

alternatif perhitungan bagi garis kemiskinan relatif ialah :

- (a) Pendapatan yang mengariskan satu had peratus golongan terbawah dalam tanuran pendapatan, contoh 40% kebawah, atau 20% kebawah di kira miskin. Data bagi Malaysia dalam tahun 1970, pendapatan purata bulanan isi keluarga yang membahagikan golongan 40% kebawah ialah \$75.90. Manakala pada tahun 1979, pendapatan purata bulanan isi-keluarga yang membahagikan golongan 40% kebawah ialah \$186.19.
- (b) Garis Kemiskinan di letak kepada satu tahap seperti separuh dari pendapatan purata perkapital negara.
- (c) Cara "income gap" iaitu jumlah pendapatan yang diperlukan untuk menaikkan semua keluarga miskin sampai ke paras garis kemiskinan.

3.5 Kemiskinan di Malaysia

Di Malaysia isu kemiskinan telah lama di perkatakan oleh semua peringkat masyarakat baik pemimpin negara mahu pun orang ramai. Mengapa kemiskinan itu terus di persoalan dalam konteks pembangunan dewasa ini? Walau pun tujuan Dasar Ekonomi Baru di ujudkan oleh kerajaan adalah antara lainnya untuk membasmikan kemiskinan di kalangan orang-orang Melayu, namun segala rancangan pembangunan yang adanya secara khusus di tujuakan kepada pembasmian kemiskinan. Mahu pun yang khususnya di tujuakan

kepada pembasmi kemiskinan juga tidak dapat memberi kesan yang mendalam dalam taburan pendapatan keluarga.

Buku Ulangkaji Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke 2 menegaskan bagawa kemiskinan di luar bandar di sebabkan oleh keadaan tanah pertanian yang luasnya tidak ekonomik, tidak subur dan tidak sesuai untuk tanaman, penggunaan cara-cara traditional di sebabkan oleh perempuan kepada aktiviti yang tidak atau sedikit memerlukan keahlian dan latihan.

Perangkaan menunjukkan di antara tahun 1970-1980, kadar kemiskinan dalam sektor pertanian telah menurun pada kadar 32.5% berbanding dengan penurunan kemiskinan dalam sektor bukan pertanian sebanyak 39.6%. Dalam tahun 1980 (Rancangan Malaysia ke 4) telah menyatakan bahawa kemiskinan telah dikurangkan ke peratus 29.7% daripada semua keluarga.

3.6 Teori Pendidikan

i. Teori Pendidikan John Dewey

Dewey mengandaikan :

"That man is an active, social, problem-solving animal, for whom success in life, is the continual mastery of his environment, the solution of problem about social and political organisation".

Andaiannya yang utama ialah berkenaan dengan bagaimana

pentingnya dunia ini dan sijauh mana manusia memberi cara mengatasi masalah yang asas sekali. John Dewey mengatakan bahawa manusia ialah haiwan yang aktif, dan boleh mengatasi masalah dalam masyarakatnya. Mereka yang berjaya dalam kehidupan ialah mereka yang boleh menguasai alam sekitar, boleh menyelesai masalah mengenai pembekalan makanan, tempat perlindungan, pakaian dan juga apa yang berkenaan dengan organisasi sosial dan politik. Maka untuk perkembangan, kata beliau kanak-kanak mesti di penuhi oleh pelajaran yang mana boleh mengembangkan kecerdasan mereka.

ii. Teori Pendidikan James Mill

Teori Mill melibatkan 2 andaian yang penting mengenai mereka yang menerima pendidikan. Pertama mereka itu pada hakikatnya berpusat kepada diri sendiri. (They are essentially selfish) manusia hanya boleh bertingkah laku begitu apabila mereka berfikir bahawa ini akan menambahkan kesukaan mereka. Andaian kedua ialah manusia dilahirkan dengan kecerdasan yang kosong. Oleh itu teori Mill melibatkan andaian-andaian berkenaan dengan sifat pengetahuan. Kata beliau pengalaman yang di terima dari pertumbuhan kita sendiri itu membolehkan kita membentuk pengetahuan kecekapan dan perangai-perangai yang mana membolehkan kita hidup dalam masyarakat. Jadi beliau menunjukkan bahawa pengetahuan dan kecekapan sangat

penting dalam kehidupan.

3.7 Definasi Desa

Buku *Introduction to Rural Settlement* yang di tulis oleh R. S. Mandal menunjukkan bahawa ahli-ahli geografi menganggap rural settlement sebagai "man-made habitat". Mereka bergantung kepada pekerjaan primary seperti pertanian, perhutanan, perlombongan, menangkap ikan, menangkap binatang dan lain-lain yang mana menggunakan sumber mali sahaja. Ahli-ahli itu yang mengkaji bangunan-bangunan dan corak permainan mereka, jalanraya dan lorong-lorong dengan bertujuan untuk membezakan kategori dan corak yang baru dan menentukan fungsi perhubungan mereka. Oleh itu asiz, bentuk dan fungsi perkampungan dan asal-usul mereka adalah kebanyakannya bergantung kepada pertumbuhan morphology mereka dan sosial dan struktur ekonomi masyarakat yang mereka wakili.

Kampung Sungai Rusa mempunyai kemiskinan dari segi ekonomi dan juga dari segi budaya. Tahap kemiskinan kampung ini seperti yang di sebutkan dalam konsep kemiskinan iaitu sumber pendapatan mereka tidak mencukupi berhubung dengan kehendak yang minim iaitu kehendak atas makanan, pakaian dan tempat perlindungan kampung ini sudah ujud hampie-hampir 70 tahun lamanya dan mereka berada dalam keadaan miskin sejak dari masa nenek moyang mereka sehingga masa kini. Keadaan ini sama seperti definisi kemiskinan

Oscar Lewis iaitu kemiskinan adalah berterusan dari satu generasi ke satu generasi. Penghuni-penghuni di kampung itu miskin dari segi kuasa dan politik dan tidak mempunyai kebaikan-kebaikan dari peluang-peluang baru. Pendapatan mereka yang rendah mengakibatkan mereka sentiasa hidup dalam keadaan miskin. Sampai kini masalah memiskinan mereka masih belum diatasi oleh kerajaan.

Dalam bab ini pengkaji akan mengandalkan data-data sosio-budaya dan socio-ekonomi responden dari mukim selari yang pengkaji perolehi melalui beraneka soal-selidik. Aspek-aspek socio-budaya yang akan disentuh ialah tarbi pelajaran ibu bapa, keadaan-keadaan anak (bekalan listrik dan air, perbot tan-kop) dan penggunaan media-mediaw (TV, radio, surat khabar).

Aspek socio-ekonomi yang antaraanya ialah mengenai bilangan tanggungan, pekerjaan responden dan pendapatan mereka, perbelanjaan keluarga, pemilikan harta benda termasuk bangunan-bangunan perasot, tangungan dan pinjaman.

Kemajuan pelajaran sangat penting untuk menggalakkan pertumbuhan individu seperti yang dikatakan oleh teori pendidikan John Dewey. John Dewey mengatakan bahawa manusia adalah haiwan yang aktif, dan berusaha mengatasi masalah yang timbul dalam kehidupan mereka. Mereka yang berjaya dalam kehidupan adalah mereka yang dapat menggunakan perasikaran, dapat menyelesaikan masalah mengenai pembekalan makanan seperti

Bab IV

Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Kemajuan Pelajaran

4.1 Tahap Pelajaran Penghuni-penghuni Kampung

Dalam bab ini pengkaji akan mengemukakan data-data sosio-budaya dan sosio-ekonomi responden dari maklum balas yang pengkaji perolehi melalui borang soal-selidik. Aspek-aspek sosio-budaya yang akan disentuh ialah taraf pelajaran ibu bapa, kemudahan-kemudahan asas (bekalan letrik dan air, perabot lengkap) dna penggunaan media-massa. (TV, radio, surat khbar)

Aspek sosio-ekonomi pula antaranya ialah mengenai bilangan tanggungan, pekerjaan responden dan pendapatan mereka, perbelanjaan keluarga, pemilikan harta benda termasuk barang-barabg perabot, tabungan dan pinjaman.

Kemajuan pelajaran sangat penting untuk menggalakkan pertumbuhan individu seperti yang dikatakan oleh teori pendidikan John Dewey. John Dewey mngatakan bahawa manusia adalah haiwan yang aktif, dan berupaya mengatasi masalah yang timbul dalam kehidupan mereka. Mereka yang berjaya dalam kehidupan adalah mereka yang dapat menguasai persekitaran, dapat menyelesaikan masalah mengenai pembekalan makanan seperti

perlindungan, pakaian dan juga apa yang berkenaan dengan organisasi sosial dan politik. Maka untuk perkembangan, kata beliau kanak-kanak mesti dipenuhi dengan pengetahuan untuk mengembangkan kecerdasan mereka.

Tahap pelajaran yang rendah dikampung ini disebabkan oleh beberapa faktor. Jadual tahap pelajaran anak-anak yang berhenti sekolah membentahu kita tahap pelajaran anak-anak di kampung itu dan juga membolehkan pengkaji membanding tahap pelajaran anak pada masa dahulu dengan anak-anak sekarang yang masih bersekolah.

Jadual 4.1

Tahap Pelajaran yang dicapai oleh anak-anak yang berhenti sekolah.

Tahap Pelajaran	Bilangan	%
Sekolah Rendah :		
Darjah 1 - 3	3	2.1
Darjah 4 - 6	41	28.1
Sekolah Menengah :		
Tingkatan 1 - 3	67	45.9
Tingkatan 4 - 6	31	21.2
Pra - Sekolah	0	0
Kolej	4	2.7
Universiti	0	0
Jumlah	146	100

Anak-anak yang sudah berhenti sekolah itu ialah seramai 146 orang. Keleluahan pencapaian anak-anak dalam pelajaran itu tidak tinggi. Jadual 4.1 menunjukkan seramai 67 orang (45.9%) daripada mereka itu berhenti pada tahap menengah rendah iaitu dari tingkatan 1 - 3. Yang berhenti selepas darjah 3 ialah seramai 3 orang (2.1%) dan sampai ke darjah 6 ialah 41 orang (28.1%). Ini menunjukkan bahawa mereka yang berhenti semasa sekolah rendah ialah 44 orang (30.2%). Yang berpeluang belajar sampai ke tingkatan 5 hanya seramai 31 orang (21.2%) manakala 4 orang (2.7%) belajar sampai ke kolej. Tidak ada seorang pun yang berpeluang masuk ke pra-U dan universiti.

Selain daripada melihat tahap pelajaran anak-anak yang berhenti sekolah, data-data tentang tahap pelajaran anak-anak yang masih bersekolah juga memberi satu gambaran mengenai peringkat mereka.

Jadual 4.2 menunjukkan tahap pelajaran anak-anak yang masih bersekolah. Berbanding dengan jadual 4.1, ia menunjukkan bahawa anak-anak sekarang ini lebih berpeluang belajar tinggi kerana ada anak-anak yang belajar dari pra-sekolah sehingga ke universiti. Mereka yang belajar di pre-sekolah sekarang ialah 2 orang (2.8%), 2orang di kolej (2.8%) dan 3 orang di universiti (4.1%). Walau pun mereka berpeluang belajar tinggi

tetapi bilangannya juga tidak ramai. Dapat dikatakan pada keseluruhannya tahap pelajaran mereka adalah rendah. Dari mereka yang berhenti sekolah seramai 44 orang (30.2%) mempunyai tahap pelajaran sampai sekolah rendah sahaja. Tahap pelajaran yang tinggi di capai oleh mereka ialah menengah rendah iaitu pada peringkat SRP yang yerdiri daripada 45.9%. Kebanyakan daripada mereka meninggalkan sekolah selepas sekolah rendah atau pun selepas tingkatan tiga.

Jadual 4.2 yang tidak bekerja selain mencari diri sendiri (42%),

Tahap Pelajaran Anak-anak yang masih bersekolah

Tahap Pelajaran	Bilangan	%
Sekolah Rendah :		
Darjah 1 - 3	21	29.2
Darjah 4 - 5	19	26.4
Sekolah Menengah :		
Tingkatan 1 - 3	16	22.2
Tingkatan 4 - 5	9	12.5
Pra - Sekolah	2	2.8
Kolej	2	2.8
Universiti	3	4.1
Jumlah	72	100

4.2 Faktor Ekonomi

Faktor ekonomi sangat penting kerana ia menentukan setakat mana mampunya ibu bapa menyekolahkan anak-anak mereka. Di sini pengkaji meninjau dari segi pekerjaan dan pendapatan responden itu sendiri.

4.2.1 Pekerjaan Responden

Dalam bab 2, jadual 2.1 dan jadual 2.2, pengkaji telah menunjukkan jenis-jenis kerja yang dilakukan oleh responden. Responden yang tidak bekerja ialah seramai 21 orang (42%). Mereka ini ialah yang telah bersara dan juga suri rumah tangga yang bergantung kepada anak-anak yang memberi wang tiap-tiap bulan. Pekerjaan-pekerjaan itu dibahagi kepada 2 iaitu bidang pertanian dan bidang bukan berbentuk pertanian. Mereka yang menceburi bidang pertanian hanya 4% (3 orang). Manakala responden-responden yang bekerja makan gaji dalam bidang bukan berbentuk pertanian ialah sebanyak 52%. Walau pun 52% daripada responden itu bekerja makan gaji, tetapi hanya 2% (1 orang) daripada respondens itu yang memegang jawatan yang memerlukan pelajaran tinggi iaitu sebagai guru. Pekerjaan lain ialah seperti bijuh kasar iaitu 18% (9 orang), penjual barang-barang runcit 2% (1 orang), askar 8% (4 orang), pengawal keselamatan 4% (2 orang), operator, tukang masak dan tukang kebun 8% (4 orang), kontraktor 4% (2 orang) dan pemandu 6% (3 orang).

Ramai sekali responden yang bekerja sebagai buruh kasar, manakala pekerjaan yang kurang sekali diceburi oleh responden ialah bidang pergu-ruan dan perniagaan kecil kerana hanya 2% sahaja yang melibatkan diri dalam bidang-bidabg ini.

Rancangan Malaysia ke 4 telah menunjukkan bahawa golongan miskin di sektor bukan pertanian akalah terdiri dari pekerja-pekerja tidak mahir. Dikampung ini golongan ini adalah sebahagian besarnya terdiri daripada buruh-buruh kasar.

4.2.2 Pendapatan Responden

Pendapatan bulanan responden adalah berkait dengan pekerjaan mereka. Pendapatan purata responden-responden itu di dapati tidak tinggi. Ini di tunjukan dalam Jadual 2.3 di bab2 di mana 18 responden (36%) mempunyai pendapatan dari \$0-\$150 sebulan sahaja. Mereka ini ialah golongan yang tidak bekerja (suri rumah tangga dan bersara) dan bergantung kepada wang yang diberi oleh anak-anak mereka. Oleh kerana responden memegang jawatan yang rendah maka pendapatan mereka juga tidak tinggi. Kebanyakkan daripada mereka mempunyai pendapatan antara \$151 - \$300 sebulan iaitu seramai 13 orang (26%). 13 orang (26%) juga berpendapatan antara \$301-\$450 sebulan. Hanya 3 orang sahaja yang berpendapatan lebih tinggi iaitu di antara \$451-\$600 sebulan. Seorang (2%) berpendapatan antara \$601 - \$750 sebulan, seorang berpendapatan antara \$751-

\$900 dan seorang responden mempunyai pendapatan melebihi \$1500 sebulan. Boleh dikatakan bahawa pada keseluruhannya pendapatan mereka adalah rendah kerana 62% daripada mereka itu mempunyai pendapatan antara \$0-\$300 (34% terdiri daripada mereka yang tidak bekerja tetapi masih hendak menanggung perbelanjaan anak yang kecil). Lapuran SERU menunjukkan bahawa seseorang yang pendapatan di bawah \$384 sebulan berta dengan menanggung 5 orang anak boleh di anggap sebagai miskin. Kalau kita mengambil Lapuran SERU ini untuk membuat perbandingan, maka bolehlah dikatakan bahawa penduduk-penduduk di sini adalah miskin.

Kedua-dua faktor pekerjaan dan pendapatan adalah berhubung rapat dengan perbelanjaan mereka. Pengkaji akan melihat bagaimana pendapatan mereka yang rendah itu boleh mempengaruhi perbelanjaan kehidupan mereka termasuk perbelanjaan untuk persekolahan anak-anak.

4.2.3 Perbelanjaan Keluarga Responden

(a) Bilangan Anak

Untuk mengetahui perbelanjaan keluarga responden, kita perlu mengetahui saiz keluarga mereka iaitu berapa orang yang ditanggung oleh responden.

Jadual 4.3. Bilangan anak yang di kaji dari 50 responden

Bilangan Anak yang di kaji dari 50 responden

Bilangan Anak	Bilangan	%
1 - 2	3	6
3 - 4	6	12
5 - 6	22	44
7 - 8	15	30
9 - 10	2	4
11 - 12	1	2
13 - 14	1	2
Jumlah	50	100

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa kebanyakannya daripada

mereka mempunyai anak antara 5 hingga 8 orang. Seramai 22 orang responden (44%) mempunyai anak antara 5 - 6 orang. Begitu juga 15 orang responden (30%) mempunyai anak antara 7 orang hingga 8 orang. Hanya 3 responden (6%) sahaja yang mempunyai antara 1 - 2 orang anak. Manakala 2 responden (4%) mempunyai 9 - 10 orang. 2% atau seorang responden mempunyai 11 - 12 anak dan seorang responden mempunyai bilangan anak antara 13 - 14 orang.

44% responden mempunyai antara 5 hingga 6 anak. Yang kedua tinggi ialah 30% daripada mereka mempunyai antara 7

8 orang anak. Ini menunjukkan bahawa sebanyak 74% responden yang mempunyai antara 5 hingga 8 orang anak.

Pendapatan responden yang rendah sibenarnya tidak berupaya membayai bilangan anak yang begitu ramai. Ini menyebabkan mereka tidak berupaya mendidik anak belajar tinggi kerana bilangan anak yang ramai pula memerlukan perbelanjaan sekolah yang tinggi.

(b) Perbelanjaan Persekolahan Anak

Jadual 4.4

Perbelanjaan Sekolah Bagi Setiap Bulan

Perbelanjaan	0- 50	51- 100	101- 150	151- 200	201- 250	251- 300	301- 350	351- 400	401- 450	451- 500	atas
Bil. Anak	9	10	2			3	1	1			1
1-3											
4-6						1		1		1	1
Bil.	9	10	2			4		2		1	2
%	30	33.3	6			13.3		6.7		3.3	6.7

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa bilangan anak yang lebih ramai memrelukan perbelanjaan sekolah yang lebih tinggi juga. Responden yang mempunyai anak antara 4-6 orang terpaksa belanja tinggi untuk perbelanjaan sekolah daripada mereka yang mempunyai anak antara 1-3 orang.

Perbelanjaan Sekolah dan Belanja

Ber banding dengan responden -responden yang mempunyai anak antara 1-3 orang perbelanjaan persekolah anak adalah jauh bezanya dari mereka yang mempunyai anak antara 4-6 orang. Seramai 9 orang responden (30%) yang mempunyai anak antara 1-3 orang itu belanjatidak melebihi \$50 sebulan. 10 orang responden (33.3%) belanja lebih tinggi iaitu antara \$ 51-\$100 sebulan dan hanya 2 orang responden yang belanja antara \$101-\$150 sebulan. Ramai daripada (21 orang) mereka yang beranak 1-3 orang itu belanja tidak melebihi \$150 sebulan. Manakala responden yang mempunyai anak antara 4-6 orang itu terpaksa berbelanja sekurang-kurangnya dari \$251 sebulan, iaitu seorang responden belanja \$251-\$300 sebulan, seorang responden yang lain belanja antara \$351-\$400, seorang lagi belanja antara \$451-\$500 dan akhirnya juga seorang responden belanja melebihi \$500 sebulan. Mereka herbelanja tinggi itu bukan sahaja di sebabkan oleh bilangan anak yang ramai tetapi juga kerana mereka mempunyai anak yang belajar di Universiti dan kolej. (bilangan yang kecil sahaja, seperti yang tunjuk di jadual 4.2)

Walau pun responden-responden itu berbelanja banyak untuk perbelanjaan sekolah anak tetapi pencapaian anak masih rendah. Ini ialah kerana wang yang dibelanjakan itu bukan untuk tuition atau untuk membeli buku-buku yang bernilai tetapi ialah untuk perbelanjaan seperti yang disebut tadi.

(c) Perbelanjaan Keseluruhan Keluarga

Jadual 4.5

Perbelanjaan Keseluruhan Keluarga

Perbelanjaan Keluarga	Bilangan	%
0 - 150	1	2
151 - 300	16	32
301 - 450	19	38
451 - 600	12	24
601 - 750	1	2
751 - 900	1	2
Jumlah	50	100

Bilangan anak yang ramai menyebabkan perbelanjaan keluarga meningkat. Bilangan ayli keluarga yang ramai itu menyebabkan perbelanjaan keperluan harian bertambah seperti perbelanjaan untuk makanan dan perbelanjaan untuk pakaian. Jadual 4.5 menunjukan bahawa perbelanjaan keluarga itu umumnya antara \$151-\$600 sebulan iaitu 62% daripada responden-

responden itu belanja sebegini banyak 16 orang responden (32%) berbelanja untuk \$151-\$300 sebulan seramai 19 orang responden lagi berbelanja dari \$301 - \$450 sebulan dan 12 orang responden pula berbelanja dari \$451-\$600 sebulan.

Perbelanjaan keluarga responden tinggi kerana selain daripada berbelanjaan keperluan harian mereka juga berbelanja banyak untuk anak-anak mereka. Perbelanjaan untuk anak yang bersekolah adalah seperti wang saku, tambang ke sekolah, beli alat-alat tulisan dan juga buku-buku tulisan. Tu bekajis secara berupah, maka pekerjaan responden yang bergantung

4.2.4 Pemilikan Harta

Jadual 4.6

Pemilikan Harta bagi 50 Responden

Jenis Harta	Milik		Tidak Milik		Jumlah
	Bil.	%	Bil.	%	
Tapak Rumah	27	54	23	46	50
Rumah	45	90	5	10	50
Barang kemas	36	72	14	28	50
Kereta	5	10	45	90	50
Motosikal	29	58	21	42	50

Tahap pelajaran responden-responden secara umumnya sangat

Jadual 4.6 ini menunjukkan bahawa jenis harta yang dimiliki oleh responden-responden itu ialah tapak rumah, rumah,

barang-barang kemas, kereta dan motosikal yang tidak boleh mendatangkan apa-apa hasil. Tapak rumah, rumah dan barang-barang kemas adalah warisan dari ibu bapa mereka. Lebih separuh daripada mereka itu yang mempunyai motosikal ialah 29 orang responden (58%) dan kereta hanya di miliki oleh 5 orang responden (10%). Walau pun mereka mempunyai harta-harta ini tetapi kemiskinan masih ujud di kalangan mereka kerana pemilikan harta itu tidak mendatangkan hasil.

Kesimpulannya ialah sistem ekonomi kampung itu bekerja secara berupah, maka pekerjaan responden yang bergantung kepada tenaga berat itu adalah di sebabkan kekurangan pengetahuan mereka sendiri. Kekurangan pengetahuan menjadikan peluang mereka mendapat pekerjaan yang baik dengan gaji yang tinggi.

4.3 Faktor-faktor Sosio-budaya

4.3.1 Tahap Pelajaran Ibu Bapa

Aspek sosio-budaya yang mempengaruhi tahap pelajaran anak-anak ialah tahap pelajaran ibu bapa, kemudahan-kemudahan dan penggunaan media massa. Tahap pelajaran ibu bapa sangat mempengaruhi minat anak-anak untuk membaca. Tahap pelajaran responden-responden secara umumnya sangat rendah.

Jadual 4.7

Tahap Pelajaran Ibu Bapa

Tahap Pelajaran	Bilangan	%
Darjah 1 - 3	9	18
Darjah 4 - 6	31	62
Sekolah Menengah:		
Tingkatan 1-3	3	6
Tingkatan 4-5	3	6
Pra Sekolah	0	0
Kolej	0	0
Universiti	1	2
Tidak Belajar	3	6
Jumlah	50	100

Ramai daripada responden-responden itu berhenti

sekolah selepas sekolah rendah. Jadual 4.7 menunjukkan bahawa 9 orang responden (18%) telah berhenti sekolah selepas darjah 3 dan 31 orang responden (62%) berhenti selepas darjah 6. Maka seramai 80% daripada responden-responden itu hanya belajar sampai sekolah rendah sahaja.

Yang berpeluang meneruskan pelajaran ke sekolah menengah dan universiti itu hanya beberapa orang sahaja iaitu 3 orang (6%) belajar sampai tingkatan 3, juga 3 orang (6%) sampai

tingkatan 5. Yang belajar sampai ke universiti hanya 1 orang (2%). Selain itu yang tidak pernah belajar ialah 3 orang responden (6%).

Oleh kerana ibu bapa sendiri tidak berpengetahuan tinggi maka mereka tidak dapat memberi contoh baik yang boleh di-tauladani oleh anak-anak.

4.3.2 Sikap Ibu Bapa Terhadap Pelajaran Anak

Tahap pelajaran ibu baoa sendiri berkait rapat dengan pelajaran anak-anak. Pengkaji hendak menunjukkan bagaimana kekurangan pengetahuan ibu bapa sendiri mempengaruhi sikap mereka sendiri terhadap pelajaran anak-anak.

Oleh kerana latarbelakang pelajaran ibu bapa sendiri lemah ini menyebabkan mereka tidak tahu mengguna cara yang sesuai untuk mengglakan anak-anak mereka belajar. Ibu bapa itu tidak menetapkan masa membaca untuk anak-anak di rumah, tidak pernah memeriksa kerja latihan rumah yang di berikan oleh guru-guru dan tidak menyuruh anak-anaknya supaya rajin belajar. Kekurangan dorongan ini menyebabkan anak-anak tidak berminat dalam pelajaran.

Sekolah Menengah Seni

Apabila di tanya oleh pengkaji bahawa 'adakah tuan suka

Jumlah

anak belajar tinggi?' Mereka kebanyakannya mempunyai minat itu tetapi minat mereka itu tidak di ikuti oleh rangsangan yang boleh mendorongkan anak-anak mereka belajar.

Jadual 4.8 menunjukkan bahawa seramai 28 orang responden (56%) mempunyai cita-cita mengharapkan anak-anak mereka berpeluang belajar di universiti. Selain itu 7 orang responden (14%) bercita-cita agar anaknya belajar sampai sekolah menengah atas (SPM) dan 2 orang responden (4%) yang bercita-cita anaknya belajar sampai ke kolej. Tidak ada seorang responden pun yang harap anak-anak belajar sampai ke sekolah menengah rendah (SRP) dan sekolah rendah sahaja. Maka menunjukkan bahawa lebih daripada separuh responden responden itu mempunyai cita-cita yang tinggi atas kemajuan anak-anak.

Jadual 4.8

Pelajaran yang di harap oleh Responden atas

Pelajaran Anak-anak.

Tahap Pelajaran	Bilangan	%
Universiti	28	56
Kolej	2	4
Sekolah Menengah Atas	7	14
Sekolah Menengah Rendah	0	0
Sekolah Rendah	0	0
Sudah Berhenti Sekolah	13	26
Jumlah	50	100

Untuk mengetahui dengan lebih jelas lagi tentang sikap ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak, pengkaji telah menanya soalan tentang harapan mereka mengenai anak-anak mereka.

Jadual 4.9

Harapan-harapan yang ada di kalangan Ibu Bapa

Kampung itu terhadap anak-anak mereka.

Sikap	Bilangan	%
Jaga Nama Baik	6	12
Sumbangan Kewangan	6	12
Tanah / Harta	5	10
Pelajaran Anak	20	40
Pendidikan Ugama	5	10
Sifat Jimat Cermat	8	16
Jumlah	50	100

Jadual 4.9 menunjukkan seramai 6 orang responden (12%) yang mengharapkan agar anak mereka menjaga nama baik pada masa depan iaitu mengharapkan anak mereka menjaga maruah diri supaya di hormati oleh orang ramai. Harapan wang ialah harapan untuk mendapatkan wang dari anak-anak, tetapi hanya 6 orang

responden (12%) yang mengharapkan anak-anaknya mempunyai wang yang banyak. Selain itu 5 orang responden (10%) mengharapkan anak-anaknya mempunyai tanah yang di anggap sebagai harta untuk pembinaan rumah dan untuk di sewa kepada orang. Seramai 20 orang (40%) menghendaki anak-anak mereka belajar tinggi dan 5 orang responden (10%) menghendaki anak-anak mereka menghayati pendidikan ugama. 50% daripada responden mempunyai harapan agar anak-anak mereka menikmati pengetahuan yang tinggi supaya dapat menjamin masa depan mereka. Seramai 8 orang (16%) responden pula mengharap anak-anak mereka mempunyai sikap jimat cermat supaya tidak terlalu boros dan terlalu mewah dalam kehidupan.

Dari semua jenis harapan ini, separuh daripada responden itu lebih mementingkan pendidikan anak daripada mementingkan nama baik, wang, tanah dan sifat jimat cermat. Data ini menunjukkan bahawa ibu bapa mempunyai sikap yang positif terhadap pelajaran anak-anak tetapi mereka tidak berbuat apa-apa tindakan untuk mencapai harapan-harapan mereka

4.3.3 Kemudahan-kemudahan Asas

Kemudahan-kemudahan asas boleh mempengaruhi tahap pelajaran anak-anak. Kemudahan-kemudahan yang di kaji oleh

pengkaji ialah seperti elektrik, air, meja dan kerusi, perkhidmatan-perkhidmatan bas, television, surat khabar, majalah-majalah, dan perpustakaan.

Kemudahan elektrik tidak menjadi masalah di kampung itu kerana keseluruhan penghuni-penghuni kampung itumenikmati kemudahan ini. Maka bekalan elektrik tidak merupakan masalah yang menghalang anak-anak belajar. Begitu juga dengan bekalan air. Penghuni-penghuni mempunyai air paip sendiri di rumah dan boleh juga mengguna bekalan air dari air paip awam di tepi jalanraya. Oleh itu kesihatan di kampung itu masih baik dan tidak ada apa-apa penyakit yang merbahaya menjangkit disana. Jadi kesihatan tidak mempengaruhi pelajaran anak-anak.

Tidak semua responden mempunyai perabot-perabot yang lengkap seperti meja dan kerusi. Sebahagian daripada responden-responden itu tidak mempunyai meja dan kerusi yang cukup dan anak-anak mereka membaca dan manulis di atas lantai. Murid-murid di kampung itu hanya menaiki bas ke sekolah atau pun menunggang basikal sahaja. Mereka yang menaiki bas itu terpaksa keluar awal untuk menenggu bas dan ini menyebabkan tidak banyak masa yang tinggal untuk membaca. Penghuni-penghuni kampung itu terutamanya kanak-kanak suka menonton talivision. Tetapi kurang menonton rancangan-rancangan yang berfaedah

kepada pelajaran dan yang boleh menambah pengetahuan seperti rancangan pendidikan, berita, warta dunia dan rencana.

Selainnya mereka yang kurang pandai berminat mereka yang kurang pandai. Keadaan ini menjadikan

Jadual 4.10

Rancangan TV yang ditonton oleh 40 Orang Anak Sekolah

Rancangan	Bilangan	%
Pendidikan	8	20
Wayang Gambar	20	50
Berita, Warta Dunia,		
Rencana.	12	30
Jumlah	40	100

Pengaruh dan aktiviti keluarga yang lain atas pelajaran

Jadual 4.10 menunjukkan bahawa hanya 8 orang (20%) yang menonton rancangan pendidikan dan 12 orang (30%) menonton rancangan berita, warta dunia dan rencana. Selain itu ada 50% daripada mereka yang suka menonton wayang gambar. Ini menunjukkan bahawa separuh daripada mereka tidak berminat atas rancangan yang boleh menambah pengetahuan dan menolong pelajaran mereka.

4.3.4 Sikap Guru-guru Terhadap Murid-murid

Sepanjang masa bercahaya dengan guru-guru di sekolah

Rendah Sungai Rusa di dapati bahawa guru-guru disana adalah berat sebelah. Guru-guru itu lebih sayang dan memberi perhatian yang lebih atas murid-murid yang lebih pandai daripada mereka yang kurang pandai. Keadaan ini menjadikan murid yang kurang pandai itu kehilangan minat atas pelajaran mereka. Guru-guru mengatakan mereka bosan mengajar di sekolah yang pencapaiannya rendah itu. Maka kekurangan minat guru itu juga menyebabkan pencapaian anak-anak itu rendah kerana kekurangan galakkam dari guru-guru. Oleh itu sikap guru terhadap murid-murid itu sangatlah mempengaruhi pencapaian mereka.

4.3.5 Pengaruh Sikap Dari Ahli Keluarga yang lain

Pengaruh dan sikap ahli keluarga yang lain atas pelajaran anak-anak juga sangat penting. Terutamanya jika sesebuah keluarga jika mempunyai satu atau dua anak yang menjadi guru atau pun doktor, maka ini boleh mempengaruhi adik-beradiknya supaya belajar bersungguh-sungguh untuk mengikut abang dan kakak mereka.

Jadual 4.11 menunjukkan bahawa hanya 5 anak (4.9%) yang bekerja sebagai pegawai sahaja. Manakala 57 anak (55.3%) bekerja sebagai operator. Ini tidak membawa pengaruh yang kuat ke atas adik-beradik supaya belajar bersungguh-sungguh

kerana kebanyakannya daripada mereka adalah bekerja sebagai operator, askar, pertanian dan buruh kasar.

Jadual 4.11

Jenis Pekerjaan	Bilangan	Sukta		Sukta kerja rumah	Sukta juga adik
		Sukta	Sukta		
Pegawai	5	0	0	0	0
Pentadbiran dan Perkeranian	20	0	0	19.4	0
Pekerja Jualan	4	0	0	0	3.9
Operator	57	0	0	55.3	0
Askar	8	0	0	7.8	0
Pertanian	3	0	0	2.9	12.5
Buruh Kasar	6	0	0	5.8	0
Jumlah	103	0	0	100	0

Jadual 4.11 menunjukkan bahawa 103-anak yang diinterview ialah sebanyak 10 orang lelaki (27.9%) sahaja. Di antara mereka itu terdiri daripada 4 orang lelaki dan 7 orang perempuan. Anak-anak yang suka bekerja rumah juga bukan sejajar dengan anak-

4.4 Faktor Kanak-kanak itu Sendiri

4.4.1 Minat dan Cita-cita Kanak-kanak Terhadap Pelajaran

Apabila pengkaji mengkaji 40 anak sekolah di dapati mereka tidak mempunyai minat dalam pelajaran dan cita-cita kerja rumah dan 3 anak (7.5%) suka bekerja rumah. Anak-anak lelaki yang suka bekerja rumah juga kebanyakannya lelaki anak-anak lelaki 16 orang dan perempuan hanya 5 orang. Anak-anak lelaki

yang suka bekerja rumah juga kebanyakannya lelaki anak-anak lelaki 16 orang dan perempuan hanya 5 orang. Anak-anak lelaki

Jadual 4.12

Minat Anak-anak atas Pelajaran

Minat Jantina	Suka membaca	Suka main	Suka kerja rumah	Suka jaga adik
Lelaki	4	16	0	0
Perempuan	7	5	3	5
Bilangan	11	21	3	5
%	27.5	52.5	7.5	12.5

Jadual 4.12 menunjukkan bahawa anak-anak yang suka

membaca itu hanya 11 orang (27.5%) sahaja. Diantara mereka itu terdiri daripada 4 orang lelaki dan 7 orang perempuan. Anak perempuan lebih berminai dalam pelajaran berbanding dengan anak-anak lelaki. Anak-anak yang tidak suka membaca ialah mereka yang suka main. suka kerja rumah dan suka menjaga adik. 21 anak (52.5%) yang suka bermain, 3 anak (7.5%) yang suka kerja rumah dan 5 anak (12.5%) suka menjaga adik. Anak-anak yang suka main itu kebanyakannya ialah anak lelaki iaitu 16 orang dan perempuan hanya 5 orang. Anak-anak lelaki

tidak ada yang suka kerja rumah dan suka jaga adik.

4.4.2 Kerja Rumah yang di lakukan oleh 40 anak Sekolah

Jadual 4.13

Kerja Rumah yang di lakukan oleh 40 Anak Sekolah

Kerja Rumah	Bilangan	%
Membuat kerja rumah	12	30
Menjaga adik	15	37.5
Membantu kerja Kampung	7	17.5
Tidak perlu bantu	6	15
Jumlah	40	100

Kekurangan minat membaca juga berkait rapat dengan mereka terpaksa membuat kerja rumah. Jadual 4.13 menunjukkan bahawa 12 anak (30%) yang terpaksa membuat kerja rumah, 15 anak (37.5%) yang terpaksa menjaga adik dan 7 anak (17.5%) yang mesti membantu kerja kampung. Walau pun kebanyakkan ibu di kampung itu tidak kerja di luar tetapi anak mereka mesti membantu juga kerana mempunyai adik-beradik yang ramai. Selepas balik dari sekolah anak-anak itu terpaksa membantu kerja kampung seperti membela ayam dan iték, memetik kelapa dan juga membantu ibu menjual buah-buah yang di petik itu.

Mereka yang lebih bernasib baik tidak perlu bantu apa-apa

kerja ialah seramai 6 orang sahaja (15%). 85% daripada anak-anak kampung itu mesti membuat kerja-kerja di rumah dan kekurangan masa untuk membaca buku telah menyebabkan pencapaian mereka rendah.

4.4.3 Kesan Psikologi Atas kanak-kanak

Dari kajian yang dijalankan, didapati bahawa anak-anak itu sangat di pengaruhi oleh alam **sekelilingnya**. Anak-anak itu mudah sekali di pengaruhi oleh kawan-kawan dan jirannya iaitu suka mengikut tingkah laku berkumpul di tepi Sungai Rusa itu dan membuang masa dengan bercakap-cakap atau bermain dari pagi hingga ke petang. Ada yang ponteng sekolah dan ada yang tidak bekerja langsung kerana malas. Ini tidak dapat di kawal oleh ibu bapa kerana sudah membiarkan tingkah laku mereka **sejak kecil**. Walau pun ibu bapa mempunyai minat dan cita-cita yang tinggi atas pelajaran anak-anak mereka, tetapi anak sendiri yang tidak berminat dan juga senang di pengaruhi oleh kawan-kawannya dan tidak suka membada. Ibu bapa seolah-olah sudah tidak dapat mengawal perangai anak-anak mereka lagi.

Dari data yang di perolehi dari soal-selidik, pengkaji membuat kesimpulan bahawa kemiskinan adalah satu faktor penting yang mempengaruhi tahap pelajaran anak. Kemiskinan

itu adalah di sebabkan oleh beberapa perkara yang berkaitan. Utamanya ialah pendapatan responden itu sangat rendah. pendapatan yang rendah itu tidak mencukupi untuk menanggung bilangan anak yang ramai iaitu anak-anak antara 5-8 orang.

Ibu bapa bukan tidak mempunyai minat dan cita-cita terhadap pelajaran anak-anak mereka tetapi di sebabkan oleh kekurangan pengetahuan sendiri dan tidak tahu bagaimana hendak menggalakkan anak-anak mereka supaya belajar. Ini juga di sebabkan oleh masa mereka di penuhi dengan usaha untuk mencari nafkah hidup sehari-hari sehingga mereka tidak dapat memberi perhatian yang cukup atas pelajaran anak-anak.

Tahap pelajaran yang rendah itu juga di sebabkan oleh sikap anak-anak sendiri yang tidak mempunyai minat terhadap pelajaran. Oleh itu minat dan cita-cita ibu bapa yang tinggi itu tidak dapat menolong anak-anak kerana anak-anak sendiri tidak suka membaca. Maka boleh di katakan bahawa kurang minat anak-anak sendiri dan kemiskinan ibu bapa telah menyebabkan tahap pelajaran di kampung itu menjadi rendah.

Bab V

Kesimpulan

Pelajaran memainkan peranan penting didalam kehidupan manusia kerana ia menentukan pembangunan manusia. Teori pendidikan Dewey menyatakan bahawa kemajuan pelajaran sangat penting untuk mengalakkan pertumbuhan individu. Maka untuk perkembangan seseorang individu, kata beliau kanak-kanak mesti dipenuhi oleh pelajaran yang mana boleh mengembangkan kecerdasan mereka.

Teori Dewey ini adalah tepat kepada kehidupan penghuni-penghuni dikampung Sungai Rusa. Pelajaran boleh menentukan kejayaan penghuni-penghuni dalam kehidupan mereka. Tetapi dari kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa responden-responden itu masih hidup dalam kemiskinan. Mereka masih belum dapat mangatasi masalah sosio-ekonomi yang terdapat dalam kehidupan mereka. Mereka miskin kerana mempunyai pekerjaan yang tidak memberikan pendapatan-pendapatan yang tinggi seperti buruh kasar, operator kilang, pemandu, pengawal keselamatan dan tukang kebun. Sebab utama ialah kerana kekurangan pengetahuan. Data-data menunjukkan bahawa tahap pelajaran responden sendiri sangat rendah iaitu sebanyak 80% daripada

mereka belajar sampai sekolah rendah sahaja. Manakala bagi anak yang telah berhenti sekolah pula sebanyak 55.6% yang berhenti selepas sekolah rendah.

Tingkat pelajaran yang rendah itu terutamanya disebabkan oleh kemiskinan ibu bapa. Prof. Awang Had Salleh memberi 2 cara melihat hubungan antara pendidikan dengan kemiskinan. Satu cara ialah dengan menyatakan bahawa (K)....(P)...,(K), iaitu kemiskinan menyebabkan pendidikan yang dicapai itu rendah, dan ini mengakibatkan perlanjutan kemiskinan keluarga. Satu lagi cara melihatnya ialah dengan menyatakan bahawa (P)....(K)...,(P), iaitu pendidikan yang rendah yang dicapai oleh ibu bapa menyebabkan kemiskinan keluarga, dan kemiskinan keluarga itu menyebabkan lagi pendidikan yang diterima itu tidak tinggi.

Hasil kajian dikampung itu menunjukkan bahawa kemiskinan responden telah mengakibatkan anak-anak mereka tidak berpeluang menikmati sistem pelajaran yang tinggi. Kemiskinan mereka disebabkan oleh pekerjaan responden sendiri yang tidak baik dengan gaji bulanan yang rendah. Sebanyak 54% daripada responden itu mempunyai pendapatan hanya antara \$151-\$450 sebulan dan 34% yang mempunyai pendapatan antara \$0-\$150 sebulan. Pendapatan yang rendah tidak memboleh mereka

menanggung perbelanjaan sekolah anak yang tinggi.

Pekerjaan responden itu berkait dengan pengetahuan mereka sendiri. Tingkat pelajaran yang rendah menyebabkan pekerjaannya yang tidak baik. Manakala perkara yang menyebabkan responden itu tidak berpelajaran tinggi juga disebabkan oleh kemiskinan ibu bapa responden itu sendiri. Oleh itu konsep kemiskinan Oscar Lewis yang mengatakan bahawa kemiskinan adalah stabil dan berterusan dari satu generasi ke satu generasi itu boleh digunakan untuk menerangkan tentang kemiskinan penghuni-penghuni kampung Sungai Rusa itu.

Konsep kemiskinan Rowntree membahagikan kemiskinan pada 2 jenis iaitu primary dan secondary. Kemiskinan primary beliau itu ialah kekurangan dari segi tingkah laku moral dan kecekapan berfikir. Ini tidak tepat dengan kehidupan penghuni-penghuni di kampung itu. Walau pun mereka miskin tetapi tingkah laku moral mereka masih baik. Lapuran dari Balai Polis Daerah Balik Pulau menunjukkan bahawa kes-kes jenayah yang berlaku dikampung itu tidak banyak. Walau pun ada kes jenayah tetapi cuma jenayah yang kecil sahaja. Lapuran itu ditunjukkan berikut:-

Kes-kes Jenayah Tahun 1984

- | | |
|-------------------|-------|
| 1. Curi basikal | 1 kes |
| 2. Curi motosikal | 1 kes |

3.	Curi kereta sorong dan buah jambu	1 kes
4.	Curi kelapa	1 kes

Kekurangan dari segi kecekapan itu adalah lebih bersesuaian kerana penghuni-penghuni kampung itu tidak mempunyai pengetahuan yang tinggi. Ini dapat diperhatikan semasa kajian di lakukan di mana mereka sentiasa tidak memahami soalan-soalan yang ditanya oleh pengkaji. Pengkaji terpaksa menerangkan beberapa kali barulah difahami mereka. Kemiskinan secondary Rowntree itu ialah individu yang mempunyai pendapatan diperingkat sara diri tetapi tidak dapat membelanjakan pendapatan untuk meneruskan kehidupan dan mendapatkan kehidupan yang baik. Tetapi bagi penghuni-penghuni kampung itu walau pun mereka mempunyai pendapatan di peringkat sara diri tetapi mereka masih boleh membelanjakan pendapatan untuk meneruskan kehidupan-kehidupan. Oleh itu yang di katakan oleh Rowntree sebagai tidak dapat membelanjakan pendapatan untuk meneruskan kehidupan itu adalah tidak benar.

Prof. Ungku Aziz mengatakan bahawa orang-orang Melayu yang miskin itu adalah miskin pada wang ringgit dan harta benda, miskin pada hemat dan cita-cita, miskin pada pekerjaan dan latihan pengstahuan, miskin pada alat-alat kelengkapan otak. Hasil kajian pengkaji menunjukkan bahawa responden-

responden itu kebanyakannya mempunyai cita-cita yang tinggi terhadap anak mereka iaitu 60% daripada mereka yang bercita-cita anaknya belajar sampai ke universiti dan koleh, oleh itu tidak boleh dikatakan bahawa orang yang miskin itu juga miskin pada cita-cita.

Tahap pelajaran yang rendah di kampung itu utamanya di sebabkan oleh pendapatan ibu bapa yang rendah dan bilangan anak yang tinggi iaitu 74% daripada mereka mempunyai anak-anak antara 5-8 orang. Bilangan anak yang tinggi memberatkan tanggungan ibu bapa yang akhirnya mempengaruhi pelajaran anak. Satu sebab yang penting ialah tentang minat anak-anak itu sendiri. Anak-anak itu kebanyakannya tidak berminat dalam pelajaran iaitu hanya 27.5% daripada anak-anak itu suka membaca manakala 72.5% yang tidak suka membaca. Maka minat mereka juga mampengaruhi tahap pelajaran di kampung itu.

Kemudahan-kemudahan disekolah juga tidak cukup. Hanya sebuah sekolah rendah yang kecil dikampung itu yang mempunyai kemudahan-kemudahan yang tidak lengkap. Perpustakaan sangat kecil dan guru-guru di sekolah itu juga tidak ramai iaitu hanya 10 orang sahaja. Oleh itu kawalan guru-guru keatas murid-murid di setiap darjah (terdiri daripada 40 orang) adalah susah.

Fenomeno membaca di kampung itu tidak mengalakkan

pelajaran kanak-kanak kerana pencapaian yang lemah dari masa dulu hingga sekarang telah mempengaruhi kanak-kanak. Selain itu mereka juga di pengaruhi oleh kanak-kanak di kampung ini.

Untuk membaiki tahap pelajaran di kampung itu pertamanya kita haruslah membaiki ekonomi penghuni-penghuni. Apabila sistem ekonomi meningkat maka ibu bapa dapat meletakkan lebih perhatian atas pelajaran anak-anak dan juga berupaya menghantar anak-anaknya ke sekolah bandar atau pun menghabtar anak-anaknya ke institut-institut untuk mengambil klass tambahan.

Untuk membaiki ekonomi di sana, misalnya kerajaan boleh memberi pinjaman wang kepada penghuni-penghuni untuk bermiaga. Cara lain yang baik ialah membuka tanah yang lebih luas supaya mereka berpeluang menanam tanaman-tanaman yang boleh di jual. Menggalak mereka giat dalam aktiviti pertanian bukan sahaja menanam tanam-tanaman tetapi juga menternak binatang-binatang seperti lembu, kambing, ayam dan itek. Apabila aktiviti pertanian dapat di jalankan dengan baik, maka sumber pendapatan penghuni-penghuni itu akan meningkat.

Selain daripada membaiki sistem ekonomi, patut juga mengubah sikap anak-anak dan sikap ibu bapa terhadap pelajaran. Pertamanya mesti menggalakan ibu bapa menanam satu minat

membaca kepada anak-anak sejak dari kecil seperti melalui cerita-cerita yang menarik berkenaan dengan pelajaran dan memberitahu mereka bagaimana pentingnya pelajaran. Pada pihak guru pula patutlah memberi lebih kerja latihan kepada murid-murid, pinjamkan buku-buku yang menarik kepada murid-murid, memberi hadiah kepada mereka yang cermelang dalam pelajaran dan mestilah selalu berhubung dengan ibu bapa murid-murid supaya lebih memahami tentang latarbelakang mereka.

Apabila sistem ekonomi di baiki, kehidupan yang selesa pada sekarang itu akan menyebabkan ibu bapa lebih menitik beratkan pelajaran anak-anak. Perubahan sikap ibu bapa, anak-anak dan guru-guru itu dengan secara langsungnya boleh menanam satu minat membaca di kalangan anak-anak. Akhirnya minat membaca itu akan meningkatkan tahap pelajaran mereka dan seterusnya keseluruhan kampung itu boleh mencapai kemajuan.

Keadaan Sekolah Rendah di kampung dan Sekolah-sekolah

Menengah di Pekan Balik Pulau.



Pandangan Luar Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Rusa



Bilik Darjah Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Rusa

SAKURA COLOR

JUN 1985



Pejabat Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Rusa

SAKURA COLOR

JUN 1985



Bilik TV untuk murid-murid Sekolah Rendah Sungai Rusa

SAKURA COLOR

JUN 1985



Kantin Sekolah

Sekolah Menengah Kebangsaan Selandar

SAKURA COLOR

JUN 1985



Bilik Melukis Sekolah

Sekolah Menengah Kebangsaan Selandar

Fasilitas di kawasan Angsi Island

SAKURA COLOR
JUN 1985



Sekolah Menengah St. George Balik Pulau

SAKURA COLOR
JUN 1985



Sekolah Menengah Convent Balik Pulau

Pandangan di kampung Sungai Rusa



Sebuah Rumah Beranjung di Kampung



Keadaan Dapur Rumah bagi salah seorang Responden



Rupa Tandas di luar rumah bagi penghuni-penghuni kampung



Seorang budak di kampung



Keadaan Air paip di Tepi Jalanraya Sungai Rusa



Masjid Kampung



Sebuah Kedai Runcit Kecil di Tepi Jalanraya

Bibliografi

1. Abdul Aziz bin Abdul Hamid, Ungku, - Jejak-jejak di Pantai Zaman. K. L.
Penerbit Universiti Malaya, 1975.
2. Bradley R. Schiller, The Economics of Poverty and Discrimination.
Hall, New Jersey, University of Mary Land, 1973.
3. S.C.DUBE. W. A. PH. D. - Indian Village.
Morris Edward Opler. London, Routledge & K. Paul, 1955.
4. H.S. Mc Farland Professor - Human Learning : A Developmental Analysis.
Routledge and Kegan Paul Ltd., University of Durham, 1969.
5. Prof. Kamal Saleh - Seminari Kemiskinan Luar Bandar - Alor Star, 1983.
6. R. B. Mandal - Introduction to Rural Settlements.
Concept Publishing Company New Delhi.
7. T. W. Moore - Educational Theory - An Introduction.
University of London Institute of Education, 1974.
8. Sharon M. Oster, Elezabeth E. Lake, and Conchita Gene Oksman, - The Defination and Measurement of Poverty, An Urban System Research Report - Westview Press, Inc.
The United States of America, 1978.
9. Rancangan Malaysia ke 4 - 1981-1985.